

# PM: Agensi perlu lebih berhati-hati

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa agensi-agensi dan badan-badan awam supaya lebih bertanggungjawab dalam menguruskan perbelanjaan bagi menjamin kekuatan ekonomi negara.

Perdana Menteri menegaskan, kelalain agensi-agensi berkenaan menguruskan perbelanjaan akan menjejaskan ekonomi negara dan kerajaan yang terpaksa menanggung bebannya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata ada agensi-agensi kerajaan kurang memberi tekanan kepada kos atau perbe-

15 MAY 1985 oleh MAHFAR ALI

lanjaan pengurusan kerana menganggap wang itu datang dari kerajaan.

"Agensi-agensi kerajaan janganlah menganggap kos pengurusan tidak menjadi masalah kerana sumber kewangan mereka dibantu oleh kerajaan.

"Sebaliknya, agensi-

agensi itu harus berhati-hati dan menjaga kos serta perbelanjaan, terutama dalam melaksanakan projek-projek, supaya tidak melebihi anggaran," tambahnya.

Merasmikan Bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Ku-wasa) di sini hari ini, beliau berkata kerajaan sentiasa berusaha mengawal perbelanjaannya sesuai dengan keupayaan kewangan negara.

"Bahkan kerajaan terpaksa mengurangkan belanjawan negara dua tahun lalu kerana kewangan negara terhad," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata 14 "pihak berkuasa awam" telah dikenalpasti untuk diawasi perbelanjaan mereka. Kerajaan juga akan menganalisa dan menggubal dasar-dasar yang difikirkan sesuai bagi memastikan agensi-agensi itu menguruskan wang mereka dengan cekap.

"Kecekapan pengurusan wang dan sikap bertanggungjawab mestilah wujud pada setiap agensi dan pegawai," tegasnya.

## Dicontohi

Perdana Menteri berkata kerajaan juga mengambil kira perbelanjaan agensi-agensi luar belanjawan (OBA) dan sebuah jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dibentuk bagi mengawasi secara rapi perbelanjaan agensi-agensi itu.

"Perbelanjaan agensi-agensi itu akan dikawal seperti jabatan-jabatan kerajaan yang lain apabila kerajaan menyediakan anggaran perbelanjaan negara, terutama bagi Rancangan Malaysia Kelima," tambahnya.

Sebelum ini, OBA dikhaskan sebagai sektor swasta dan bebas menggubal belanjawan masing-masing.

Bagaimanapun katanya, agensi-agensi awam hendaklah berusaha sendiri untuk mengurangkan perbelanjaan negara.

"Pengorbanan yang kita buat sekarang akan menjadikan masa depan negara lebih cerah. Kita sekarang tidak terperangkap dengan hutang yang besar seperti beberapa buah negara di Amerika Latin kerana kita cepat bertindak," jelasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berharap pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sentiasa mengamalkan pengurusan kewangan yang berhati-hati.

Beliau berkata, langkah KWSP memasuki sektor harta dengan menyewakan ruang pejabat di bangunan Kuwasa perlu dicontohi oleh perbadanan dan syarikat kerajaan yang lain.